

Majlis Presiden PH punyai kebijaksanaan tentu peralihan kuasa

KUALA LUMPUR - Majlis Presiden Pakatan Harapan (PH) mempunyai kebijaksanaan dalam mengurus isu serta perkara berkaitan transisi dan peralihan kuasa Perdana Menteri, kata Setiausaha Agung Parti Keadilan Rakyat (PKR), Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail.

Saifuddin Nasution berkata, Majlis Presiden PH mengadakan mesyuarat setiap bulan dan beliau percaya ia merupakan platform terbaik untuk sebarang perbincangan dan menyampaikan cadangan berbangkit.

“Yang penting adalah jaminan bahawa ia (peralihan kuasa) harus berlaku secara tertib, licin, lancar dan tidak mewujudkan keresahan. Saya fikir itu keutamaan yang ada,

dan saya percaya *wisdom* itu ada pada Majlis Presiden PH,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Siri Syarahan Profesor Richard Whish anjuran Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) di sini semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas laporan media mengenai cadangan beberapa ahli Parlimen PKR agar peralihan kuasa Perdana Menteri dibuat pada bulan Mei ini.

Semalam, Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad menyatakan bahawa beliau sedia melepaskan jawatannya sekiranya itu keputusan yang dimahukan Majlis Presiden PH. - *Berna-*

